

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## Lantikan tetap pegawai perubatan kontrak selesai Julai

**Kuala Lumpur:** Lantikan tetap bagi menempatkan pegawai perubatan kontrak dalam 4,263 kekosongan jawatan dijangka selesai Julai ini, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni.

Lukanisman berkata, kekosongan itu akan diisi oleh pegawai perubatan kontrak yang berjaya dalam proses temu duga dijalankan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Sehingga 31 Disember lalu, seramai 4,333 pegawai perubatan kontrak dilantik secara tetap dan 20,330 pegawai perubatan masih berstatus kontrak.

"Pada tahun ini, sebanyak 4,263 kekosongan jawatan tetap ditawarkan untuk diisi pegawai perubatan kontrak yang berjaya dalam proses temu duga oleh SPA dan lantikan pegawai perubatan kontrak ini dijangka selepas Julai ini," katanya pada sesi jawab lisan bagi menjawab soalan Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Maran).

Pada masa sama Lukanisman berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak boleh menghalang mana-mana petugas kesihatan meletak jawatan dan berhijrah untuk dapatkan pekerjaan di luar negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

## Kes denggi meningkat 9.3 peratus minggu lalu: KKM

**Putrajaya:** Sebanyak empat kematian akibat komplikasi demam denggi, dilaporkan pada minggu epidemiologi ketujuh 2023 iaitu di antara 12 hingga 18 Februari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sepanjang tempoh itu, sejumlah 2,149 kes demam denggi dilaporkan, berbanding 1,967 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 182 kes atau 9.3 peratus.

"Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga kini adalah sebanyak 15,243 kes, berbanding 4,950 kes bagi tempoh sama pada 2022, iaitu peningkatan sebanyak 10,293 atau 207.9 peratus.

"Sebanyak 13 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding satu kematian bagi tempoh yang sama pada 2022," katanya dalam satu kenyataan.

### 79 lokaliti hotspot

Beliau berkata, sebanyak 79 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu itu, berbanding 86 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan 53 berada di Selangor, Sabah (20), Kuala Lumpur dan Putrajaya (empat) serta Pulau Pinang (dua).

Selain itu, beliau berkata, surveilans Chikungunya merekodkan lapan kes pada minggu ketujuh dengan empat kes di Pulau Pinang, tiga kes di Selangor dan masing-masing satu di Kuala Lumpur dan Putrajaya, menjadikan kumulatif kes setakat ini sebanyak 94 kes.

Dr Noor Hisham berkata, bagi surveilans Zika, sebanyak 328 sampel darah serta satu sampel urin dijalankan saringan dan semuanya negatif.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak alpa dengan waktu puncak gigitan nyamuk Aedes, iaitu 6 pagi hingga 8 pagi dan 6 petang hingga 8 malam, terutama ketika cuti sekolah, yang sering diadakan aktiviti berkumpul, beriadah dan kegiatan rekreasi.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan awal jika mengalami gejala demam denggi iaitu demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot atau sendi, sakit kepala dan sakit pada belakang mata, muntah, cirit-birit atau pendarahan," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

## Bilangan kes baharu Covid-19 catat penurunan

**Kuala Lumpur:** Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk meningkat 3.4 peratus pada Minggu Epidemiologi ketujuh 2023 (ME 7/2023) dari 12 hingga 18 Februari berbanding ME 6/2023, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi berdasarkan kategori pada ME 7/2023 berbanding ME 6/2023 pula tiada perubahan iaitu kekal 0.4 peratus bagi kategori satu dan dua sementara pesakit kategori tiga, empat dan lima menurun 20 peratus.

"Peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 7/2023 berbanding ME 6/2023 adalah katil bukan kritikal menurun satu peratus, katil unit rawatan rapi (ICU) tiada perubahan iaitu kekal pada dua peratus dan peratusan pesakit Covid-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) tiada perubahan, kekal pada 0.2 peratus," katanya menerusi kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara menunjukkan penurunan dan perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 7/2023 berbanding ME 6/2023 menunjukkan bilangan kedatangan pesakit ke CAC meningkat 9.6 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 13.2 peratus dan bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke hospital menurun 39.1 peratus," katanya.



*Bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 13.2 peratus dan bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke hospital menurun 39.1 peratus"*

**Dr Noor Hisham**

Beliau berkata, perbandingan kes baharu, kes sembuh dan kes kematian Covid-19 antara ME 6/2023 dan ME 7/2023 menunjukkan bilangan kes baharu menurun tiga peratus (1,542 kepada 1,495 kes), bilangan kes sembuh menurun 13.9 peratus (2,071 kepada 1,784 kes) dan bilangan kes kematian menurun 50 peratus (lapan kepada empat kes).

Menurut Dr Noor Hisham, dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 18 Februari 2023 (ME 7/2023), kumulatif kes baharu ialah 5,040,821 kes sementara kumulatif kes sembuh 4,994,944 kes.

"Purata kes aktif ialah 8,980, kumulatif kes kematian 36,955 dan kumulatif kluster 7,171. Kluster aktif ialah empat kluster," katanya.

Beliau berkata, surveilans Penyakit Seperti Influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) bagi Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan di lokasi sentinel seluruh negara mendapati 25 sampel ILI dikesan positif Covid-19 dengan kadar positif 3.0 peratus pada ME 7/2023 dan tiada sampel SARI dikesan positif Covid-19 pada ME 7/2023.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## 4,333 Pegawai Perubatan kontrak dilantik tetap

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan sehingga 31 Disember lalu, seramai 4,333 Pegawai Perubatan kontrak telah dilantik tetap dan seramai 20,330 pegawai masih berkhidmat secara kontrak.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, bagi tahun ini, sebanyak 4,263 kekosongan jawatan tetap ditawarkan untuk diisi oleh Pegawai Perubatan kontrak yang berjaya dalam proses temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Jelas beliau, pelantikan tetap Pegawai Perubatan kontrak ini dijangka selesai pada Julai 2023.

Dalam pada itu jelas beliau, KKM tidak boleh menghalang mana-mana petugas kesihatan termasuk Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan meletak jawatan dan berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan ke luar negara.

"Faktor utama penghijrahan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Kementerian yang telah meletak jawatan ini ke luar negara adalah disebabkan insentif dan gaji yang lebih baik ditawarkan sektor kesihatan luar negara khususnya di negara maju.

"Bagi Pegawai Perubatan di KKM, emolumen atau gaji permulaan yang diterima oleh Pegawai Perubatan Gred UD41 adalah berjumlah RM5,197 dengan kadar kenaikan gaji tahunan (KGT) sebanyak RM225 setahun.

"Gaji permulaan yang diterima ini pada dasarnya adalah jauh lebih tinggi daripada skim-skim perkhidmatan lain di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas) dalam Perkhidmatan Awam," jelasnya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib (**BN-Marang**) yang ingin tahu apakah langkah segera yang diambil untuk menghalang penghijrahan kelulusan perubatan mendapat pekerjaan di luar negara dan berapa ramai lagi doktor-doktor kontrak yang belum diberikan taraf tetap.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

## Kes demam denggi meningkat 9.3 peratus

**PUTRAJAYA** - Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi ke-7 tahun 2023 dilaporkan sebanyak 2,149 kes berbanding 1,967 pada minggu sebelumnya iaitu menyaksikan peningkatan sebanyak 182 kes ataupun 9.3 peratus.

Pada masa sama, Ketua Pengerah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, empat kematian akibat komplikasi demam denggi turut dilaporkan dalam tempoh berkenaan.

"Kumulatif kes demam denggi dilaporkan sehingga kini ialah sebanyak 15,243 kes berbanding 4,950 kes bagi tempoh sama 2022 iaitu peningkatan sebanyak 10,293 atau 207.9 peratus.

"Selain itu, sebanyak 13 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding satu kematian bagi tempoh sama pada 2022," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Menurutnya, sebanyak 79 lokaliti 'hotspot' dilaporkan pada minggu tersebut berbanding 86 lokaliti 'hotspot' pada minggu sebelumnya dengan 53 lokaliti 'hotspot' berada di Selangor, Sabah (20), Kuala Lumpur dan Putrajaya (4) selain Pu-

lau Pinang (2).

"Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak lapan kes pada minggu tujuh dengan empat kes dari Pulau Pinang, Selangor (3) selain Kuala Lumpur dan Putrajaya (1). Jumlah kes Chikungunya setakat ini ialah 94.

"Bagi survelan Zika, sebanyak 328 sampel darah dan satu sampel urin telah dijalankan saringan dan hasil kesemuanya adalah negatif," jelasnya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham memberitahu, aktiviti berkumpul, beriadah dan kegiatan rekreasi bersama rakan-rakan atau ahli keluarga adalah aktiviti yang sering dilakukan selama tempoh cuti persekolahan.

"Namun, orang ramai tidak boleh leka bahawa kegiatan itu mungkin serentak dengan waktu puncak gigitan nyamuk aedes iaitu antara pukul 6 pagi hingga 8 pagi dan pukul 6 petang hingga 8 malam.

"Oleh itu, pakai pakaian berwarna cerah dan menutup anggota badan serta gunakan bahan repelan nyamuk sekiranya melakukan aktiviti luar terutamanya pada waktu puncak gigitan nyamuk aedes," tambahnya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

# Sistem kesihatan masih di takuk lama

Laporan Kertas Putih Kesihatan diharap bukan gimik, beri impak terhadap kualiti sektor kesihatan

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY  
SHAH ALAM

**PREMIUM**  
Sinar  
Klusteran Kritis

P enyediaan laporan Kertas Putih Kesihatan mem-babitkan kajian dasar asas baharu kepada sektor perkhidmatan kesihatan di-harapkan bukan sekadar gimik dan benar-benar memberi impak dalam meningkatkan kualiti sektor kesihatan awam di Malaysia.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, perkara itu sangat penting untuk menangani isu-isu kesihatan seperti kekurangan doktor dan pakar, keperluan naik taraf hospital dan pembinaan hospital-hospital baharu untuk menampung keperluan semasa.

"Saya berharap Kertas Putih Kesihatan yang telah dimulakan sejak zaman (bekas) Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin bukan sekadar gimik dan kementerian mampu mengeluarkan satu dokumen reformasi baharu untuk perkhidmatan kesihatan.

"Isu kekurangan pakar, kapasiti katil dan kemudahan hospital yang usang sudah berlaku puluh-

an tahun. Biarpun menteri sering bertukar ganti, masalah sistem kesihatan masih di takuk lama.

"Sekiranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan, ia akan mengurangkan perbelanjaan keseluruhan untuk sektor kesihatan. Oleh itu, kita berharap Kertas Putih Kesihatan dapat dilaksanakan segera dan ada penambahan peruntukan menerusi Belanjawan 2023," katanya kepada *Sinar Premium*.

Mengikut situasi terkini, Boon Chye berpandangan, KKM sudah tidak mampu menampung kesemua permintaan dan tuntutan khidmat kesihatan daripada pesakit.

"Jika perkara seperti kesesakan di wad kecemasan dan kemudahan hospital yang tidak mencukupi masih berterusan, mutu perkhidmatan kesihatan akan merosot pada masa akan datang.

"Oleh itu, kita berharap agar iltizam dan keazaman Kerajaan Perpaduan untuk meneruskan usaha ini akan berterusan serta memberi pembaharuan dalam hala tuju membaik pulih perkhidmatan kesihatan negara," katanya.

Boon Chye yang juga bekas Ahli Parlimen Gopeng itu berkata, Malaysia akan ketinggalan jauh dan kedudukan negara boleh merosot sekiranya tidak ada pembaharuan dilakukan dalam perkhidmatan kesihatan negara.

"Negara Turkiye mempunyai penyampaian sistem kesihatan yang lebih baik daripada Malaysia. Apatah lagi dengan negara Singapura yang jauh ketinggalan untuk dibandingkan.



Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa (dua dari kanan) memberi jaminan laporan Kertas Putih Kesihatan bukan bertujuan mencari salah kerajaan terdahulu, sebaliknya bertujuan menambah baik sistem kesihatan negara.



BOON CHYE

ZAINAL ARIFFIN

Pada Ahad, Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar bertitah supaya kerajaan Persekutuan menitikberatkan kualiti perkhidmatan perubatan, kemudahan dan kebersihan hospital kerajaan di negeri itu.

Turut dibincangkan dalam pertemuan itu ialah penambahan perkhidmatan perubatan di Johor dengan cadangan pembinaan sebuah hospital baharu berkapasiti 1,500 katil secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Mengulas lanjut, Boon Chye berpandangan, usaha untuk melaksanakan PFI boleh dipertimbangkan kerana ia tidak melibatkan dana kerajaan secara langsung.

"PFI boleh dipertimbangkan tetapi ia tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor. Kemudahan fizikal perlu selari dengan jumlah pakar yang mencukupi agar perkhidmatan kesihatan dapat dipertingkatkan," katanya.

Dalam pada itu, pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, dengan tuntutan kualiti perkhidmatan perubatan semakin kuat dilaungkan termasuk Sultan Johor, Kertas Putih Kesihatan ini menjadi harapan rakyat untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan negara.

Selain itu, kerajaan perlu melakukan transformasi dalam sistem perkhidmatan kesihatan negara dengan menerima kaedah pembiayaan kesihatan baharu secara berperingkat seperti yang diamalkan di negara Filipina, Thailand dan Indonesia.

"Kertas Putih Kesihatan hanya akan menjadi kertas cadangan yang tiada makna, jika tidak dilaksanakan. Kementerian mesti ada keberanian politik dan kecerdikan dalam pelaksanaan.

"Negara perlu transformasi yang segera untuk mengelakkan sistem dan kualiti perkhidmatan kesihatan semakin menurun. Bagi saya, perkara ini tidak sukar dilakukan kerana pengalaman terdahulu sudah ada," jelasnya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

# Naik taraf Klinik Desa Lima Kedai

**K**linik desa antara fasiliti yang beroperasi untuk pemeriksaan kesihatan ibu dan kanak-kanak yang diuruskan oleh jururawat masyarakat. Justeru, seiring dengan kepesatan pembangunan hari ini, sudah semestinya fasiliti perubatan seperti klinik desa ini perlu ditambah baik perkhidmatannya.

Antara klinik desa yang perlu ditambah termasuklah Klinik Desa Lima Kedai yang beroperasi di kawasan Perumahan Rakyat Lima Kedai, Johor Bahru.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, SHAHRIZAL AHMAD ZAINI berhubung permintaan orang ramai yang mahu perkhidmatan klinik desa berkenaan yang telah beroperasi hampir lima dekad lalu dinaik taraf kemudahan dan perkhidmatannya.



Lokasi Klinik Desa Lima Kedai dianggap kurang strategik.

**JOHOR BAHRU** - Rata-rata pengunjung menyuarakan mahu Klinik Desa Lima Kedai di sini ditambah baik dari pelbagai aspek bagi menjamin kesejahteraan orang ramai.

Menurut mereka, penambahbaikan yang dilakukan kelak akan menjadikan sistem penyampaian klinik terbabit lebih efektif.



NUR ALFAATIAH, NIK NURHAIRY, MUHAMMAD AIMAN, SITI NURQALILA

Klinik tersebut menjadi nadi kepada penduduk Perumahan Lima Kedai, Kampung Melayu Lima Kedai, Taman Maju, Taman Mutiara Rini, Kawasan Perumahan Rumah Iskandar Malaysia dan beberapa taman baharu di sekitar kawasan berkenaan.

Kepada suri rumah, Nur Alfaatihah Azhar, 29, klinik desa berkenaan perlu ditambah baik bagi menjamin kesejahteraan orang ramai yang datang mendapatkan rawatan di situ.

Katanya, setiap hari klinik berkenaan menjadi tumpuan orang ramai terutamanya wanita hamil dan yang menjalani rawatan susulan selepas melahirkan anak.

"Disebabkan ramai ibu hamil yang menggunakan klinik ini, se-

patunya kemudahan tandas sedia ada boleh ditambah baik. Buat masa ini terdapat dua saja tandas itu pun ia terletak di bahagian belakang klinik.

"Begitu juga dengan kerusi dan alat penyaman udara. Buat masa ini, penyaman udara hanya ada dalam bilik rawatan, jadi mungkin boleh pertimbangan di ruang menunggu pula," katanya.

Pendapat itu turut dipersetujui suaminya, Nik Nurhairy Nik Muhammad, 33, yang berharap kerja-kerja penambahbaikan dapat dilaksanakan pada kadar segera.

Kepada Muhammad Aiman Zubir, 32, klinik desa berkenaan mungkin memerlukan lokasi baharu kerana lokasi sedia ada terlalu hampir dengan penempatan penduduk.

Katanya, keadaan itu me-

nyukarkan orang ramai meletak kenderaan ketika mahu berurusan di klinik desa berkenaan.

"Kedudukan klinik desa ini terletak jauh sikit dari jalan besar iaitu Jalan Skudai - Gelang Patah, tentunya ia menyukarkan mereka yang tiada kenderaan. Mereka yang datang atau pulang menaiki teksi perlu turun betul-betul di hadapan klinik.

"Lokasi klinik ini kurang sesuai. Sebaiknya, pindahkan klinik di kawasan baharu dan lebih dekat dengan jalan besar bagi memudahkan urusan orang ramai," katanya.

Sementara itu, bagi suri rumah, Siti Nurqalila Omar, 30, klinik desa berkenaan juga memerlukan kakitangan tambahan bagi membantu melancarkan sistem penyampaian sedia ada.

"Sistem penggiliran pesakit



Ruang menunggu yang agak terhad di Klinik Desa Lima Kedai.



Kemudahan tandas di klinik berkenaan yang perlu ditambah baik.

masih dibuat secara manual iaitu dengan memanggil nama pesakit sebelum masuk ke bilik rawatan.

"Sebaiknya sistem ini ditukar kepada sistem digital seperti yang digunakan di kaunter-kaunter perkhidmatan termasuk di hospital," ujarnya.

## Klinik Desa Lima Kedai sudah hampir lima dekad beroperasi



SALAMIAN

**PERMINTAAN** orang ramai agar Klinik Desa Lima Kedai di Kawasan Perumahan Rakyat Lima Kedai, Skudai ditambah baik, dilihat sebagai satu tindakan yang wajar berikutan klinik berkenaan telah beroperasi sejak lebih lima dekad lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Kawasan Perumahan Rakyat Lima Kedai, Salamian Surip, 67, permintaan berkenaan wajar diberi perhatian serius oleh pihak berwajib dalam usaha memastikan kesejahteraan orang ramai.

"Permintaan untuk menambah baik klinik desa ini lebih kepada satu keperluan yang mendesak, jika sebelum ini ada Klinik 1Malaysia di sini yang menjadi pelengkap kepada klinik desa.

"Klinik 1Malaysia itu sudah tidak ada, jadi semua orang tertumpu di klinik desa.

"Bayangkanlah, mereka yang datang ke klinik desa ini datangnya dari Lima Kedai ini sendiri, Taman Mutiara Rini, perumahan Iskandar (Rumah Iskandar Malaysia), Taman Maju, Bestari dan beberapa taman lain di ka-

wasan ini, jadi memang perlulah kalau nak ditambah baik atau dibina klinik desa yang baharu," katanya dianggarkan lebih 100,000 penduduk menetap di sekitar-kawasan berkenaan.

Tambah Salamian, klinik desa yang mula wujud sejak penghujung 60-an itu merupakan antara bangunan terawal dibina di kawasan berkenaan selain Balai Polis Lima Kedai.

Beliau yang juga Pengerusi Surau Nur Hidayah Kawasan Perumahan Rakyat Lima Kedai itu berkata, sejak beroperasi se-

cara rasmi pada 1975, klinik desa berkenaan merupakan fasiliti perubatan yang menjadi tumpuan bagi penduduk di kawasan sekitar.

"Saya juga berharap agar Klinik Desa Lima Kedai ini dapat ditambah baik dalam usaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik pada masa akan datang," katanya.

Penambahbaikan klinik desa berkenaan juga ujar beliau, dapat memberi imej baharu kepada perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan kepada penduduk di sini.



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Increase in admissions of Covid patients

**KUALA LUMPUR:** The number of admissions of Covid-19 patients to health facilities per 100,000 residents increased by 3.4% in the seventh Epidemiological Week 2023 (ME7/2023) from Feb 12 to 18 compared with ME6/2023, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the admission of Covid-19 patients to public hospitals per 100,000 population in ME7/2023 was unchanged when compared with ME6/2023, remaining at 0.4% for categories one and two, while categories three, four and five decreased by 20%.

"The bed occupancy percentage at Covid-19 facilities for ME7/2023 was also lower compared with ME6/2023, for non-critical beds it decreased by 1%. The intensive care unit bed occupancy rate remained unchanged at 2% and there were no changes to the percentage of Covid-19 patients requiring ventilators, which remained at 0.2%."

Noor Hisham said Covid-19 positive cases, monitored by Covid-19 Assessment Centres (CAC), showed that patient arrivals increased by 9.6% in ME7/2023.

"The number of new Covid-19 cases requiring monitoring at home decreased by 13.2% and there was a 39.1% drop in the number of Covid-19 cases referred by CAC."

He said between ME6/2023 and ME7/2023, the number of new cases fell by 3% from 1,542 to 1,495, the number of recoveries were down 13.9% from 2,071 to 1,784, and the number of deaths halved from eight cases to four.

Noor Hisham added that from Jan 25, 2020 to Feb 18, 2023, the cumulative number of new Covid-19 cases was 5,040,821 while the cumulative recoveries stood at 4,994,944.

"The average number of active cases was 8,980, while the cumulative deaths were 36,955 and cumulative clusters were 7,171 with four active clusters."

He also said the surveillance of influenza-like-illnesses (ILI) and severe acute respiratory infection for Covid-19 at sentinel locations across the country found 25 ILI samples that tested positive for Covid-19.

Meanwhile, none of the severe acute respiratory infection samples tested positive for Covid-19 in ME7/2023. - Bernama

## Dengue cases nationwide up 9.3%, says Health DG

**PUTRAJAYA:** Four deaths due to dengue fever complications were reported in the seventh epidemiological week, from Feb 12 to 18, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the number of dengue cases had risen 9.3% to 2,149 from Feb 12 to 18 compared with 1,967 in the previous week.

The cumulative number of dengue cases reported is 15,243 compared with just 4,950 cases in the corresponding period last year, which is an increase of 207.9%, or 10,293 cases.

"A total of 13 deaths due to dengue complications were also reported this year, compared with just one death over the same period last year," said Noor Hisham.

He added that some 79 hotspot locations were reported last week, of which 53 were in Selangor, 20 were in Sabah, Kuala Lumpur and Putrajaya have four and Penang has two.

With regard to chikungunya surveillance, Noor Hisham said nine cases were recorded in the seventh epidemiological week, four were in Penang, three in Selangor and one each in Kuala Lumpur and Putrajaya, bringing the cumulative total to 47.

Meanwhile, with regard to Zika surveillance, he said a total of 328 blood samples and one urine sample were screened and the results were all negative.

Noor Hisham reminded the public to remain vigilant when carrying out outdoor activities at peak mosquito feeding times. - Bernama



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

## Permanent posts for 4,623 contract health workers soon

THE offer of permanent posts to 4,263 medical contract workers is expected to be completed in about five months, the Dewan Rakyat was told.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said at the moment, the vacancies will be filled by contract workers who are successful in their interview process conducted by the Public Services Commission.

"The permanent appointment of these medical contract workers

is expected to be completed by July," he said in reply to a question from Datuk Seri Dr Ismail Muttalib (PN-Marang), who asked the Health Ministry to state the immediate measures being taken to prevent medical graduates from moving overseas and also the number of contract doctors under it.

As of Dec 31 last year, Lukanisman said 4,333 contract officers had been offered permanent posts while 20,330

officers were still under contract.

"The ministry cannot prevent any medical personnel, including medical officers or specialists, from resigning and moving to another place to accept a job offer," he said.

He added that among the factors for medical officers or specialists accepting jobs abroad were various incentives and better salaries offered by the overseas healthcare sector, especially in developed countries.

"For medical officers at the ministry, emoluments or the starting salary received by a medical officer of Grade UD41 is RM5,197, with an annual salary increase rate of RM225.

"The starting salary, in principle, is much higher than the other service schemes at the management and professional group level (Grade 41 and above) in the civil service sector," he said.

To ensure an improved career

path, Lukanisman said medical officers and specialists were also given faster time-based promotions.

"The ministry through its central agencies will continue to work harder to improve existing incentives and facilities from time to time," he said.

He added that the issue of moving abroad is a universal one that occurs in all fields of work and not only in the medical sector.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

# A medicinal townhall ahead

Dr Zaliha, the new Health Minister, has a huge job to cure the many ailments in the healthcare system. The townhall today is just the start of the consultations.

AFTER repeated calls and demands, Health Minister Dr Zaliha Mustafa is ready to meet disgruntled doctors at a town hall session today.

All hopes are now pinned on Dr Zaliha.

Can this doctor bring about the much-needed reforms to cure the ailing healthcare system?

The problems are many. The shortage of manpower continues to burden the healthcare system. Just look at the surge of patients in emergency departments. The bed shortage is acute, too.

The contract system, introduced in 2016 to address the glut of medicine graduates, may have worked at the time, but now it has become a bane that has taken the healthcare system to the brink of collapse.

Doctors with little sleep, 36-hour workdays, patient overload, mental breakdown and exhaustion, are being pushed beyond their limits.

Complaining about their quandary itself has become a problem.

A gag order is in place, restricting Health Ministry staff from making public statements, including on social media.

Healthcare workers are also claiming that there is a witch hunt against those who speak to the press, so it is very important that Dr Zaliha and the ministry's leadership ensure that those who speak up at the townhall session

RAGANANTHINI  
VETHASALAM

raga@thestar.com.my



## Comment

will not be targeted.

At least two healthcare workers who have spoken to this writer over the past month about the reality on the ground have expressed fear over potential "disciplinary action" if they were found out.

Despite this, many aggrieved healthcare workers have risked their jobs by going on social media and even to the press, to voice their problems.

These are not things to be taken lightly. We must take care of the morale of the healthcare workers, many of whom are planning to quit or have already quit.

It is no secret that staffing is among the major problems in the healthcare sector, aggravated by the contract system.

The ministry alone cannot be blamed for this debacle, which cuts across several agencies and minist-

ries, including the Public Service Department (PSD), Public Service Commission and Finance Ministry.

Perhaps it is time that higher quotas for vacancies be given to the Health Ministry, instead of the fewer than 5,000 placements.

These 5,000 places are divided between doctors, pharmacists and dentists.

As former deputy health minister Dr Lee Boon Chye said recently, the whole process of hiring may take years from the time a healthcare facility submits a request for additional workers.

It took a pandemic to expose the cracks in the system.

Desperate healthcare workers had to send out SOS calls as hospitals and clinics overflowed with patients.

The pandemic may have abated, but the problem has not gone away, and the shortage of manpower continues.

"This is the reason why there is overcrowding and long waiting times for patients. At the same time, many contract doctors cannot get permanent posts," said Dr Lee.

It's not just doctors. Contract pharmacists have the same problem, with a shortage of pharmacists.

"PSD's bureaucracy has been there since independence, and there have hardly been any reforms

in the hiring system," added Dr Lee.

The hiring mechanism also needs to be reviewed.

Many healthcare workers, particularly contract pharmacists, say a short interview should not be used to decide if they deserve a permanent job.

"How can a few minutes at the interview be used to evaluate the work we have done?" asked one contract pharmacist.

One possible solution could be on-the-job evaluation, where superiors could assess if a healthcare worker should be offered a permanent position based on their performance.

Recently, there were rumours that healthcare workers were planning an unannounced strike.

It is not known if there was indeed a strike planned, but bear in mind that such actions are usually considered a last resort when there are no other solutions in sight.

From what we know, what all healthcare workers really want is a healthy engagement with the top leadership and to be provided a platform to voice their grievances. And, of course, a solution to their predicament.

Dr Zaliha has done well in inviting healthcare workers to come forward to meet her and discuss the issues.

As a doctor herself, she would

know and understand their grievances.

The well-being of doctors is very important. Dr Zaliha could consider shorter shifts, in line with the 48-hour week that most other sectors comply with.

Besides the long hours and manpower shortage, another big grievance seems to be bullying.

If it does exist, measures must be taken to address the matter.

The seniors, too, have to drop their archaic mentality of "you have to go through what we went through", "the trial by fire", and stop calling juniors the "strawberry generation", that breaks easily under pressure.

To be fair, Dr Zaliha has only been in office for two months and has inherited a host of legacy issues.

The townhall is a start, and it is hoped more two-way engagements are held between MOH's top leadership and healthcare workers. It is also important for the townhall session to be extended to other healthcare workers, such as pharmacists.

They say that health is wealth. If we are to prosper as a nation, we cannot afford to let our healthcare system crumble.

The ministry needs to ensure that doctors have a safe space to express their problems and be assured that the ministry's leadership is not beyond reach.